



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

TEKS UCAPAN

**TS. HJ. MOHAMAD AMIN B. HAMAT
TIMBALAN KETUA PENGARAH (GOVERNAN)
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

SEMPENA

**MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG
TAHUN 2021
POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI ZON SELANGOR**

**ANJUNG BESTARI
POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH
26 MEI 2022**

Terima kasih Pengacara Majlis.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.

Yang Berusaha Dr. Haji Mohd Zahari bin Ismail

Pengarah Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
Merangkap Pengerusi Politeknik dan Kolej Komuniti Zon
Selangor

Yang Berusaha Tuan Haji Mohd Ruzi bin Hamzah

Pengarah Kolej Komuniti Selayang
Merangkap Timbalan Pengerusi Politeknik dan Kolej Komuniti
Zon Selangor

Yang Berusaha Pengarah-Pengarah Politeknik dan Kolej
Komuniti Zon Selangor

Yang diraikan penerima-penerima Anugerah Perkhidmatan
Cemerlang Tahun 2021 Politeknik & Kolej Komuniti Zon
Selangor

Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati
sekalian.

PEMBUKA BICARA

1. Alhamdulillah marilah kita bersama-sama menzahirkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana atas keizinan-Nya kita dapat bersama- sama berkumpul pada petang ini bagi meraikan warga Politeknik dan Kolej Komuniti Selangor di Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi tahun 2021.
2. Terlebih dahulu syabas saya ucapkan kepada warga PSA serta seluruh jawatankuasa yang terlibat atas komitmen dalam menjayakan majlis pada hari ini. Walaupun kita masih dalam fasa peralihan ke endemik, majlis ini amat signifikan khususnya dalam memberikan penghargaan dan peniktirafan kepada pegawai perkhidmaan awam yang telah menunjukkan prestasi perkhidmatan yang cemerlang.

KECEMERLANGAN PERKHIDMATAN AWAM

Tuan-tuan, puan-puan yang dihormati sekalian,

3. Telah dua tahun kita hidup bersama virus Covid-19. Pandemi yang melanda di seluruh dunia ini memberi kesan yang cukup besar termasuk kepada landskap pendidikan negara. Pandemi ini menuntut kita khususnya jentera perkhidmatan awam agar segera bertindak, kreatif dan responsif dalam menghadapi arus perubahan semasa. Dalam hal ini, saya melihat pensyarah-pensyarah kita sangat proaktif dalam memastikan proses pengajaran dan pembelajaran tetap berjalan dengan lancar. Di samping itu, kakitangan sokongan juga turut mengembleng tenaga dalam memastikan kelangsungan sistem pendidikan terus diperkasa.

4. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada tuan-tuan dan puan-puan. Sesungguhnya persaingan sihat dalam kalangan warga Politeknik dan Kolej Komuniti amat diperlukan agar insitansi kita sentiasa ke hadapan. Seajar dengan kemajuan teknologi IR4.0, seharusnya kita perlu bersaing dengan segala bentuk perubahan agar kekal responsif dan relevan dalam

melaksanakan tugas demi mencapai misi dan visi yang disasarkan.

5. Selaku penjawat awam, kita tidak boleh kekal selesa pada sesuatu tahap pencapaian. Kita perlu berani berhadapan dan menangani perubahan persekitaran. Walau bagaimanapun, adalah penting bagi semua untuk terus memberi penekanan kepada “character building” iaitu melalui penambahan ilmu pengetahuan, meningkatkan kemahiran dan juga mengamalkan nilai-nilai murni serta mengutamakan aspek integriti yang tinggi dalam menjalankan tugas.

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG

Hadirin dan hadirin sekalian,

6. Saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan tahniah kepada semua warga Politeknik dan Kolej Komuniti Selangor yang bakal menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) atas prestasi mereka sepanjang tahun 2021. Saya

berharap anugerah dan pengiktirafan yang diterima ini dapat menyuntik semangat tuan-tuan dan puan-puan untuk terus berkhidmat dengan lebih berdedikasi dan iltizam bagi meneruskan perkhidmatan yang lebih cemerlang.

7. Saya juga mengharapkan agar anugerah ini akan menjadi pemangkin kecemerlangan dan menjadi motivasi kepada rakan rakan lain supaya mereka terus berusaha memberi perkhidmatan terbaik. Ini sekali gus meletakkan Politeknik dan Kolej Komuniti ke persada kecemerlangan dan menjadi peneraju TVET negara yang unggul dan disegani.
8. Akhir kata, setinggi – tinggi ucapan tahniah dan terima kasih atas komitmen dan kerjasama yang diberikan untuk menjayakan majlis pada hari ini. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya dengan ini merasmikan “Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2021 peringkat Politeknik dan Kolej Komuniti Zon Selangor”

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.